

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NASIONAL

# Syor wujud pusat sehati memudahkan doktor buka klinik

Tiga proses berbeza ketika ini dianggap rumit, makan masa serta menuntut penyediaan kos tambahan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mencadangkan satu pusat sehati diwujudkan bagi memudahkan proses pendaftaran klinik perubatan swasta (GP) bagi doktor yang ingin membuka kemudahan itu di negara ini.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz, berkata ia mengambil kira keperluan untuk setiap doktor yang ingin membuka GP yang perlu melalui tiga proses berbeza ketika ini yang mana ia bukan hanya rumit dan memakan masa, malah turut menuntut penyediaan kos tambahan.

Mengulas lanjut, katanya selain perlu melalui Majlis Perubatan Malaysia (MMC), doktor yang ingin membuka GP perlu pergi ke pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk langkah seterusnya, sebelum ke Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM).

"Untuk melengkapkan semua proses ini, tempoh tiga hingga enam bulan diperlukan oleh seseorang doktor untuk membuka sebuah GP.

"Ia suatu proses yang rumit kerana mereka perlu pergi ke tiga entiti berbeza, sedangkan KKM boleh mewujudkan satu pusat sehati untuk proses pendaftaran itu.

"MMA sendiri banyak menerima aduan daripada doktor yang menyatakan bahawa proses pendaftaran klinik ini amat menyukarkan mereka kerana tiadanya penyaluran," katanya kepada BH.

Dalam pada itu, Dr Azizan berkata, proses rumit dan mengambil masa panjang itu menyebabkan sesengah doktor memilih untuk mendapatkan bantuan konsultan yang mana kos perlu dibayar antara RM5,000 hingga RM10,000.

"Dalam melestarikan klinik GP di negara ini apatah lagi perbelanjaan hospital dan klinik swasta merangkumi 49 peratus keseluruhan perbelanjaan sektor swasta, usaha perlu diambil dalam memudahkan proses pendaftaran GP.

"Dengan kos operasi bagi GP semakin meningkat, proses pendaftaran harus dipermudahkan sekiranya sektor ini ingin dimajukan," katanya.

## Urusan di satu kaunter

Mengulas cadangan mewujudkan pusat sehati itu, Dr Azizan berkata melalui MMC, PBT dan CKAPS boleh diletakkan di bawah satu bumbung dengan doktor yang ingin membuka GP hanya perlu berurusan di satu kaunter sahaja.

Beliau berkata, selain berupaya menjimatkan masa, penyaluran dokumen juga boleh dilakukan jika proses pendaftaran dilakukan di satu kaunter sahaja.

Dalam perkembangan sama, Dr Azizan berkata, pihaknya meminta operasi GP diletakkan di bawah satu tadbir urusan melalui KKM.

Buat masa ini, katanya GP dikendalikan melalui CKAPS dan Bahagian Perkembangan Perubatan yang mana kedua-duanya di bawah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan).

Katanya, pemecahan bidang kuasa ini menyukarkan rujukan membabitkan sebarang permasalahan terhadap sektor kesihatan swasta di negara ini.

Dalam perkembangan berasingan, beliau menggesa kerajaan

MMA banyak menerima aduan daripada doktor yang menyatakan bahawa proses pendaftaran klinik ini amat menyukarkan mereka kerana tiadanya penyaluran

Dr Azizan Abdul Aziz, Presiden MMA



meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1988 (Akta 586) yang disifatkan sudah tidak relevan dengan perkembangan semasa.

Ini kerana pelbagai perkhidmatan antaranya pusat rawatan kecantikan dan perkhidmatan kesihatan atas talian tidak dikawal selia berikutan wujudnya kelompangan pada akta terbit.

"Jika berlaku kejadian tidak diingini antaranya kematian seperti mana pernah berlaku sebelum ini, mereka boleh terlepas begitu sahaja kerana tiada akta yang mengawal perkhidmatan sedemikian," katanya.



Pada ketika ini tempoh tiga hingga enam bulan diperlukan oleh seseorang doktor untuk membuka klinik swasta. (Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NASIONAL

# 2.64 juta pengembara disaring bebas mpox

KKM adakan sesi libat urus bersama kementerian, agensi serta NGO kawal jangkitan

**Putrajaya:** Tiada kes disyaki cacar monyet atau mpox dikesan daripada hampir 2.64 juta pengembara yang disaring di pintu masuk antarabangsa antara tempoh 16 Ogos hingga semalam.

Kementerian Kesihatan (KKM) melalui kenyataan berkata, sebanyak 33 kes disyaki mpox dilaporkan di fasiliti kesihatan, iaitu 32 kes disahkan negatif dan satu kes masih menunggu keputusan makmal.

Pengembara dari negara berisiko dinasihatkan membuat pemantauan kesihatan sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan.

"Sebanyak 13 makmal mampu melakukan ujian pengesanan mpox, iaitu lapan makmal kerajaan dan lima makmal swasta, dua daripadanya berupaya membuat *sequencing* maklumat genetik untuk mengesan varian virus yang dikesan," katanya.

KKM juga berkata, sebagai perediaan awal, pihaknya mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai kementerian dan agensi

serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memaklumkan peranan masing-masing dalam aktiviti kawalan dan pencegahan jangkitan mpox.

Sesi secara maya juga diadakan bersama Kementerian Luar dan perwakilan Malaysia di negara-negara Afrika bagi mengemblem kerjasama untuk mendapatkan serta menyampaikan maklumat kepada warga Malaysia yang berada di negara berkenaan.

KKM memaklumkan, buat masa ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang nasihat atau syor untuk diadakan sekatan perjalanan.

### Amal kebersihan sendiri

"Sehubungan itu, individu yang melawat negara berisiko dinasihatkan mengambil langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan sendiri, mengelakkan kontak dengan individu yang bergejala atau haiwan yang sakit, segera merujuk kepada fasiliti kesihatan sekitarnya bergejala serta mematuhi garis panduan dikeluarkan KKM dari semasa ke semasa," katanya.

Ancaman mpox juga perlu ditangani menerusi pendekatan seluruh negara dan seluruh planet serta kawalan kesihatan sendiri yang tinggi oleh setiap individu.

"KKM akan meneruskan kerjasama rapat dengan pihak WHO dan ASEAN bagi menguruskan



Pengembara dari negara berisiko dinasihatkan buat pemantauan kesihatan sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan.

situasi mpox," katanya. Penyakit mpox disyitiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam antarabangsa buat kali kedua pada 14 Ogos lalu.

Penyebaran virus *clade 1b* itu bermula pada 2022 dan berterusan sehingga hari ini, termasuk di beberapa negara Afrika.

Terkini, penularan *clade 1a* dan *clade 1b* yang semakin meningkat sudah menjelaskan Congo dan negara lain di Afrika. Peningkatan itu kerana *clade* berkenaan lebih mudah merebak.

Kini *clade 1b* juga dikesan di luar Afrika iaitu di Sweden dan Thailand, masing-masing pada 16 dan 21 Ogos lalu serta memabitkan sejarah perjalanan ke Afrika.

Mpox lazimnya merebak antara manusia melalui kontak rapat dengan individu yang sudah dijangkiti.

Jangkitan juga berlaku melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau pun lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox atau menerusi pendehatan kepada cecair respiratori ketika hubungan intim.

BERNAMA

## PERBEZAAN ANTARA MPOX, CHICKENPOX DAN HFMD

	Tanda dan Gejala		
	MPOX	CHICKENPOX	Penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD)
Demam	Demam-Suhu melebihi 38.5°C (boleh berlaku tanpa demam)	Suhu tidak melebihi 38.5°C	Suhu tidak melebihi 38.5°C
Sakit kepala	Ya	Ya	Tidak
Bengkak kelenjar limfa	Ya	Tidak	Tidak
Ruam/lepuh pada tapak tangan dan tapak kaki	Ya	Jarang	Ya
Taburan ruam/lepuh	Tertumpu di muka tangan dan kaki Bermula dari muka dan kaki kemudian ke seluruh badan (boleh juga bermula dari kemaluan dan merebak ke seluruh badan)	Tertumpu pada badan Bermula di badan dan muka, kemudian merebak ke seluruh badan	Tertumpu pada mukosa mulut, tangan dan kaki Bermula pada mukosa mulut, tekak dan lidah, kemudian merebak ke tangan, kaki dan bahagian lampin
Perubahan ruam/lepuh	Ruam/lepuh selalunya pada satu peringkat perubahan Perubahan lepuh perlahan dengan setiap peringkat selama 1-2 hari	Ruam/lepuh selalunya dalam pelbagai peringkat perubahan Perubahan lepuh adalah pantas	Ruam/lepuh selalunya dalam pelbagai peringkat perubahan Perubahan lepuh adalah pantas
Vaksinasi	Masih belum tersedia secara meluas	Vaksin Varicella boleh didapati di fasiliti kesihatan swasta	Tiada vaksin

# Pakar saran utama pengawasan berbanding vaksin

**Kuala Lumpur:** Pengawasan di pintu masuk negara membabitkan warga Afrika dan negara berisiko tinggi perlu dipertingkatkan bagi mengawal dan mencegah jangkitan virus cacar monyet atau mpox.

Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Termaju Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata ketika ini langkah kesihatan awam, antaranya pengawasan, isolasi dan kuarantin lebih penting berbanding vaksinasi.

Katanya, mpox kini bersifat endemik di Afrika, oleh itu, adalah tidak mustahil kemasukan pelancong atau pengembara dari Afrika berpotensi membawa virus berkenaan.

"Pendapat peribadi saya, buat masa ini ada langkah yang lebih penting berbanding vaksin. Vaksin lebih diperlukan untuk negara benua Afrika, di mana jangkitan berleluasa.

**Kita perlu menentukan tahap situasi mana yang memerlukan kita bersiap sedia untuk vaksin**

Dr Muhammad Amir Yunus, Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Termaju USM



"Namun, pada masa sama, kita perlu menentukan tahap situasi mana yang memerlukan kita bersiap sedia untuk vaksin dengan mengambil kira perkembangan semasa global," katanya kepada BH.

Situasi mpox di Malaysia kekal sembilan kes dengan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan yang terakhir pada November ta-

huan sama.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kenyataan semalam berkata, sejumlah 2.64 juta pengembara melalui saringan bagi gejala mpox di pintu masuk antarabangsa yang setakat ini tiada kes disyaki mpox sejak 16 Ogos hingga kelmarin.

"Pengembara dari negara berisiko dinasihatkan untuk membuat pemantauan kesihatan sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan," menurut kenyataan itu.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : LOKAL



## 2.64j pengembara disaring bebas Mpox

32 daripada 33 kes disyaki virus cacar monyet disahkan negatif

Putrajaya

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan tiada kes disyaki virus cacar monyet (Mpox) dikesan daripada hampir 2.64 juta pengembara yang disaring di pintu masuk antarabangsa sejak 16 Ogos lalu hingga semalam.

+ Menurut KKM, sebanyak 33 kes disyaki Mpox dilaporkan di fasiliti kesihatan iaitu 32 kes disahkan negatif dan satu kes masih menunggu keputusan makmal.

Pengembara dari negara berisiko dinasihatkan membuat pemantauan kesihatan sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan.

"Sebanyak 13 makmal mampu membuat ujian pengesanan Mpox iaitu lapan makmal kerajaan dan lima makmal swasta, dua daripadanya berupaya membuat *sequencing* maklumat genetik untuk mengesan varian virus yang dikesan," menurut kenyataan KKM di sini, semalam.

Menurut kenyataan itu,



Individu melawat negara berisiko dinasihatkan ambil langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan sendiri, mengelakkan kontak dengan individu yang bergejala atau haiwan yang sakit"

KKM

sebagai persediaan awal, KKM mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai kementerian dan agensi serta badan bukan kerajaan (NGO) bagi memaklumkan peranan masing-masing dalam aktiviti kawalan dan pencegahan jangkitan Mpox.

Selain itu, sesi secara maya juga diadakan bersama Kementerian Luar dan perwakilan Malaysia di negara Afrika bagi menggembelng kerjasama untuk mendapatkan serta menyampaikan maklumat kepada warga Malaysia yang berada di

negara berkenaan.

KKM memaklumkan buat masa ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang nasihat atau syor untuk diadakan sekatan perjalanan.

"Sehubungan itu, individu yang melawat negara berisiko dinasihatkan mengambil langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan sendiri, mengelakkan kontak dengan individu yang bergejala atau haiwan yang sakit, segera merujuk kepada fasiliti kesihatan sekiranya bergejala serta mematuhi garis panduan dikeluarkan KKM dari semasa ke semasa," menurut kenyataan itu.

Ancaman Mpox juga perlu ditangani melalui pendekatan seluruh negara dan seluruh planet serta kawalan kesihatan sendiri yang tinggi oleh setiap individu.

"KKM akan meneruskan kerjasama rapat dengan pihak WHO dan Asean bagi menguruskan situasi Mpox," menurut KKM.

Penyakit Mpox diisytiharkan sebagai Kecemasan

Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa buat kali kedua pada 14 Ogos lalu.

Penyebaran virus clade lb itu bermula pada 2022 dan berterusan sehingga hari ini termasuk di beberapa negara Afrika.

Terkini, penularan clade la dan clade lb yang semakin meningkat menjejaskan Congo dan negara lain di Afrika. Peningkatan itu kerana clade berkenaan lebih mudah merebak.

Kini clade lb juga dikesan di luar Afrika iaitu di Sweden dan Thailand, masing-masing pada 16 dan 21 Ogos lalu serta membabitkan sejarah perjalanan ke Afrika.

Mpox lazimnya merebak antara manusia melalui kontak rapat dengan individu yang dijangkiti. Jangkitan juga berlaku melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox atau melalui pendehapan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## 2.64 juta pengembara disaring, tiada kes disyaki penyakit mpox - KKM

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan menegaskan tiada saringan mengesahkan kes disyaki penyakit cacar monyet atau mpox hasil saringan hampir 2.64 juta pengembara melalui saringan di pintu masuk antarabangsa bagi tempoh 16 Ogos hingga semalam.

Kementerian itu dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, sepanjang tahun ini sehingga semalam, sebanyak 33 kes disyaki mpox dilaporkan di fasiliti kesihatan yang mana 32 kes disahkan negatif dan satu kes lagi masih menunggu keputusan makmal.

Katanya, pengembara dari negara bersiko dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan. "Sebagai persediaan awal, Kementerian mengadakan sesi hibat urus dengan pelbagai kementerian dan agensi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan peran masing-masing dalam aktiviti kawalan dan pencegahan jangkitan mpox," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : FORUM

## Pesakit 'kepanasan' tanpa kipas di Hospital Selayang

### SAUDARA PENGARANG,

**BARU-BARU** ini saya ke Hospital Selayang di Selangor untuk mengambil darah. Namun tempat menunggu untuk mengambil darah tidak disediakan kipas tambahan.

Manakala kipas yang ada disediakan serta dihalakan kepada jururawat dan kakitangan mereka sahaja.

Sangat tidak patut membiarkan pesakit yang sedang menunggu giliran mendapatkan

rawatan dibiarkan berpanas. Kesian kepada pesakit warga emas dan berkerusi roda yang terpaksa menunggu lama untuk giliran berjumpa doktor.

Yang muda boleh lagi 'lari' masuk ke ruang lobi yang ada pendingin hawa sementara menunggu nombor mereka dipanggil.

**ORANG AWAM**  
Selayang, Selangor

## Ada apa dengan Mpxo?

### SAUDARA PENGARANG,

**KITA** sekali lagi digemparkan dengan pengisytiharan kecemasan kesihatan global berikutan wabak cacar monyet (Mpxo) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 14 Ogos lalu.

Di Malaysia, walaupun kes masih terkawal, kita tidak seharusnya memandang ringan situasi ini.

Mpxo adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus *monkeypox* dari kumpulan *Orthopoxvirus*. Secara amnya, penyakit ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja, tanpa mengira orientasi seksual, walaupun data semasa menunjukkan kadar jangkitan lebih tinggi dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan tubuh dengan sejenis.

Gejala Mpxo termasuklah demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan dan ruam atau luka pada kulit. Walaupun kebanyakan individu pulih tanpa rawatan, Mpxo boleh membawa komplikasi serius dan mengancam nyawa, terutamanya bagi golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, wanita hamil dan individu dengan sistem imuniti yang lemah.

Mpxo boleh merebak melalui pelbagai cara dan kaedah, termasuklah sentuhan dengan cecair badan atau luka individu yang dijangkiti. Contohnya sentuhan dengan ruam, keruping, atau luka pada kulit. Ia juga boleh merebak melalui sentuhan dengan objek atau permukaan yang tercemar, kerana virus ini mampu bertahan pada objek atau permukaan untuk jangka masa panjang. Titisan pernafasan yang terhasil melalui batuk atau bersin seseorang yang dijangkiti juga mampu menyebarkan virus ini. Sebagaimana virus HIV, Mpxo juga boleh merebak melalui hubungan seksual.

Buat masa ini, tiada rawatan khusus. Kebanyakan pesakit akan sembuh tanpa memerlukan apa-apa rawatan, namun rawatan simptomatik boleh diberikan, jika perlu, untuk mengurangkan gejala dan mencegah komplikasi kepada pesakit yang mempunyai risiko kesihatan lain.

Dalam kes-kes yang serius, ubat antivirus seperti *tecovirimat* boleh digunakan. Melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh WHO dan KKM, vaksin cacar (*smallpox*) juga terbukti berkesan dan boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi. Terdapat dua vaksin utama iaitu *Jynneos* (juga dikenali sebagai *Imvamune* atau *Imvanex*) dan *ACAM2000*.

Selain tidak panik, langkah-langkah pencegahan perlu diterapkan. Ini termasuklah mengamalkan kebersihan diri yang baik, mengelakkan sentuhan dengan orang yang dijangkiti dan menunjukkan simptom, mengelakkan berkongsi barangan peribadi dan mengamalkan hubungan seks selamat.

Rakyat Malaysia yang merancang untuk melawat negara-negara yang terjejas oleh wabak Mpxo, seperti Thailand, dinasihatkan untuk mendapatkan vaksin terlebih dahulu bagi melindungi diri mereka daripada jangkitan.

Wabak Mpxo adalah ancaman kesihatan global yang perlu ditangani dengan serius. Walaupun risiko di Malaysia masih rendah, kita perlu sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya dari awal. Dengan kerjasama rapat semua pihak, kita dapat melindungi diri dan orang lain.

**DR. JASMINE ELANIE KHAIRAT**

Penyelidik bidang virologi dan Pensyarah Kanan di  
Institut Sains Biologi Universiti Malaya

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

**New fuel prices**  
Aug 29 - Sept 4

RON95	<b>RM2.05</b> (unchanged)
RON97	<b>RM3.42</b> (-5 sen)
DIESEL	<b>RM3.18</b> (-5 sen)

# The Star

people's paper

THURSDAY 29 AUGUST 2024 • PP19652/12/2020 (035234) RM3.00

The Leaders Council Star CPO Summit 2024

Future-Ready HR: Navigating the Next Frontier

13 - 14 Nov 2024  
Kuala Lumpur

Register Now



# Good deal for air passengers

Travellers stranded by lengthy flight delays will be better protected when amendments to the Aviation Consumer Protection Code kick in next week. Airlines will now be required to offer passengers the option of full fare refunds for flights delayed for five hours or more.

> See reports on page 5 by GERARD GIMINO and TEH ATHIRA YUSOF



## Up and ready

Thermal scanners have been set up at both KLIA Terminals 1 and 2 after the World Health Organisation declared mpox a Public Health Emergency of International Concern on Aug 14. Malaysia has 13 laboratories capable of conducting mpox detection tests, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (left) who visited Terminal 1 with the ministry's director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

> See report on page 4



Photos: SHAARI CHEMAT/The Star

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

4 Nation

## Ministry: 13 labs equipped to test for virus

**PETALING JAYA:** Malaysia has 13 laboratories capable of conducting mpox detection tests, says the Health Ministry.

"These are eight government laboratories and five private ones," it said, adding that two have the capacity for genetic sequencing to identify virus variants.

The ministry also said there had been 33 suspected cases of mpox relayed to the health facilities as of Tuesday.

Out of these, 32 had been confirmed negative. The other one is awaiting lab results.

According to the ministry, nearly 2.64 million travellers have been screened for mpox symptoms at international entry points from Aug 16 to Tuesday.

"So far, no suspected cases of mpox have been detected.

"Travellers from high-risk countries are advised to self-monitor their health for a period of 21 days from the date of arrival," it said in a statement yesterday.

It added that mpox was

declared a Public Health Emergency of International Concern (PHEIC) on Aug 14 following its spread.

"The transmission of the clade 11b virus began in 2022 and continues to this day, including in several African countries."

According to the ministry, the increasing spread of clade 1a and clade 1b mpox of late has affected the Democratic Republic of Congo and other countries in Africa due to their higher transmissibility.

The ministry also noted that the clade 1b strain was detected in Sweden on Aug 16 and in Thailand on Aug 21, adding that both instances involved individuals with travel history to Africa.

"Given the current situation involving neighbouring countries, Malaysia is also at risk," it added.

As such, it said engagement sessions have been held with various ministries, agencies and non-governmental organisations about their roles in controlling and pre-

venting mpox infections.

"Virtual sessions have also been held with the Foreign Ministry and Malaysian representatives in African countries to consolidate efforts to gather and deliver information to Malaysians in these regions.

"We have also communicated mpox-related information to the public through various channels such as mass media and social media.

"Preparedness needs to be further heightened to face any mpox infection situation," it added.

The ministry also said human transmission usually occurs through close contact with an infected person.

"Infection can take place through direct physical contact with rashes or blisters on the skin of someone with symptoms of mpox or exposure to respiratory fluids during intimate contact," it said.

The ministry advised high-risk individuals experiencing symptoms of mpox such as fever,

swollen lymph nodes and rashes or blisters to seek help at health facilities.

Although the World Health Organisation (WHO) has not issued any advisories on travel restrictions, the ministry said that those visiting high-risk countries should take preventative measures.

These measures include practising personal hygiene, avoiding contact with symptomatic individuals or sick animals, seeking immediate medical attention if symptoms develop and complying with the guidelines issued by the ministry from time to time.

"As evidenced by Malaysia and other countries successfully overcoming past outbreaks, the mpox threat must be addressed through a whole-of-nation and whole-of-planet approach, along with high self-health controls by every individual.

"The ministry will continue to work closely with WHO and Asean to manage the mpox situation," it added.

## Mpox measures ramped up

### Health checks at borders among Johor's pre-emptive actions

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Johor, known as the southern gateway into Malaysia, is stepping up measures to curb monkeypox (mpox) from affecting its healthcare system.

"The Health Ministry has provided an action plan to face mpox. As of Saturday, the ministry has reported nine mpox cases so far.

"The ministry has also conducted a briefing on Aug 17 where the Johor Health Department has and will carry out several measures to create public awareness on the disease," state health and environment committee chairman Ling Tian Soon said.

The World Health Organisation on Aug 14 declared mpox a public health emergency of international concern (PHEIC) following a major spike in cases reported by

various countries.

Ling, who is also the Yong Peng assemblyman, said among measures taken by the department include strengthening public health screening activities at international entry points and health facilities in Johor.

He said health personnel are being stationed at international checkpoints at Bangunan Sultan Iskandar Customs, Immigration and Quarantine (CIQ), Sultan Abu Bakar Complex CIQ, Senai International Airport and international ferry terminals.

Ling said training and briefing had been given to health personnel on the field for the purpose of early detection, isolation and treatment.

"Body temperature scanning devices are already in place at these international checkpoints to carry out checks on everyone

**"As of now, no mpox cases have been reported in Johor."**

Ling Tian Soon

coming in and out of the country.

"Health personnel will carry out observation on each individual, regardless whether they come from countries that have already reported mpox cases, to look for signs if they are unhealthy before carrying out further checks," he added.

Ling said among the countries that had reported high numbers of mpox cases are the United States, Brazil, Spain, Congo, France, Colombia, Mexico, United Kingdom, Peru and Germany.

He said the Health Department will also be disseminating information on mpox to create public awareness through social media, targeting high-risk groups.

A state-level mpox operation room is on standby if needed to be activated in response to PHEIC and based on the latest instructions from the Health Ministry.

"However, as of now, no mpox cases have been reported in Johor," Ling said, urging those who show early symptoms of mpox such as chills, exhaustion, fever, headache, muscle aches and backache, and swollen lymph nodes to immediately seek treatment.

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

THURSDAY | AUG 29, 2024

NATIONAL

3

# Surge in child mental health cases raises concern

BY FARAHATUN NISA OMAR  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Universiti Sains Malaysia Hospital psychiatrist Dr Norzila Zakaria has expressed serious concern over the doubling of mental health cases among children aged five to 15.

"The rate of mental health issues in these children has risen from 7.9%, or 424,000 cases in 2019, to 16.5%, or 922,318 cases, last year. This increase can be attributed to factors such as academic pressure, the inability to keep up with technological advances, social media influence, lack of family time and conflicts caused by poverty and divorce, among others," she said.

She said given Malaysia's population of 32 million in 2023, with 9.13 million children under 18 years old, having about a million children facing mental health issues is a grave concern.

Despite various interventions, Norzila noted that the issue has reached an alarming level.

She highlighted the various

Experts call for urgent action as depression numbers double among Malaysian youngsters

categories of depression identified among children, including major and persistent depression, bipolar disorder, seasonal affective disorder and psychotic depression.

"Teenagers suffering from depression often lose interest in school activities, including learning, which can lead to significant stress and worsen their depression. This can affect their emotional and mental well-being. If depressive symptoms persist, they can impact physical health and may even lead to self-harm or suicidal behaviour."

Norzila said about 150 children and adolescents aged between four and 18 have already received treatment for depression at the Child and Adolescent Guidance Unit of the USM Hospital Psychiatric Clinic.

Psychiatrist Dr Azhar Md Zain said depression in children,

particularly teenagers, is challenging due to the physical changes in their bodies, overwhelming peer pressure and heightened social anxiety.

"Depression in children is often linked to stress, anxiety and suicide. However, the symptoms in teenagers may differ from those in adults due to the unique social and developmental challenges that adolescents face. Some may try to blend in with their Alpha generation peers, while others may seek to distinguish themselves, potentially leading to rebellious behaviour."

Azhar also noted that depression has become increasingly common during the transition from adolescence to adulthood.

While girls are generally more concerned with their appearance, boys tend to have a stronger awareness of the need for social

interactions as they enter their teenage years.

"Symptoms of depression can be difficult for parents to recognise as they are sometimes mistaken for normal puberty-related changes or typical teenage adjustments. Signs of teen depression include noticeable shifts in attitude and behaviour, which can lead to significant distress and difficulties in areas such as school, home, social activities or other aspects of life."

Parent Action Group for Education chairman Datin Noor Azimah Abdul Rahim highlighted the importance of equipping teachers with the tools and training needed to address basic mental health issues among students.

"If teachers are not adequately trained to identify mental health issues such as anxiety and depression, and lack the counselling skills to help students overcome their problems – at least in the initial stages – then no matter how good our education syllabus is, it will fail to produce well-rounded and mentally stable students," she said.